



12 Februari 2026
12 February 2026
P.U. (A) 85

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH BURUH (LESEN UNTUK MENGGAJI
PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN) (SARAWAK) 2026

*LABOUR (LICENCE TO EMPLOY NON-RESIDENT
EMPLOYEE) (SARAWAK) RULES 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

ORDINAN BURUH SARAWAK

KAEDAH-KAEDAH BURUH (LESEN UNTUK MENGGAJI PEKERJA BUKAN
PEMASTAUTIN) (SARAWAK) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 1300(2)(n) Ordinan Buruh Sarawak [*Sarawak Bab 76*], Menteri selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Buruh (Lesen Untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin) (Sarawak) 2026**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Februari 2026.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “pemegang lesen” ertinya orang yang dinamakan dalam lesen sebagai pemegang lesen.

Permohonan lesen

3. (1) Permohonan lesen oleh seseorang yang ingin memohon suatu lesen untuk menggaji seorang pekerja bukan pemastautin hendaklah dibuat mengikut kategori permohonan lesen dalam ruang (2) dan syarat permohonan dalam ruang (3) Jadual Pertama secara bertulis atau melalui cara elektronik kepada Pengarah dengan mengemukakan butir-butir seperti yang berikut:

(a) nama pemohon;

(b) nombor kad pengenalan atau nombor passport pemohon individu, atau nombor pendaftaran jika berkenaan;

(c) alamat pemohon;

(d) alamat tempat pekerjaan;

- (e) nama pekerja bukan pemastautin;
- (f) nombor kad pengenalan atau nombor pasport pekerja bukan pemastautin;
- (g) jantina pekerja bukan pemastautin;
- (h) jawatan pekerja bukan pemastautin;
- (i) negara atau Negeri asal pekerja bukan pemastautin;
- (j) kelayakan akademik pekerja bukan pemastautin, jika keperluan akademik ditetapkan; dan
- (k) pengalaman kerja pekerja bukan pemastautin, jika keperluan pengalaman kerja ditetapkan.

(2) Butir-butir di bawah subkaedah (1) hendaklah dikemukakan kepada pejabat Pengarah yang terdekat yang mempunyai bidang kuasa pentadbiran bagi kawasan tempat pekerjaan itu terletak.

(3) Setelah mempertimbangkan permohonan bagi mendapatkan suatu lesen yang dibuat di bawah subkaedah (1), Pengarah boleh—

- (a) meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan kepada pemohon suatu Lesen Untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin dalam borang sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua; atau
- (b) menolak permohonan itu secara bertulis.

Syarat lesen

4. (1) Apabila suatu lesen dikeluarkan, pemegang lesen hendaklah memastikan—

- (a) bahawa pekerja bukan pemastautin itu diambil kerja—

 - (i) dalam jawatan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen; dan
 - (ii) di alamat tempat pekerjaan sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen;
- (b) bahawa pekerja bukan pemastautin itu tidak diambil bekerja oleh mana-mana orang lain selain pemegang lesen;
- (c) bahawa dalam hal keadaan kerja telah disiapkan di tempat pekerjaan yang dinyatakan dalam lesen atau mana-mana tempat pekerjaan yang dibenarkan oleh Pengarah setelah mempertimbangkan permohonan untuk mengubah butiran pekerjaan, Pengarah hendaklah dimaklumkan mengenai status kontrak perkhidmatan pekerja bukan pemastautin yang terlibat dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kerja disiapkan;
- (d) bahawa dalam hal penghantaran pulang seseorang pekerja bukan pemastautin itu ke negara atau Negeri asal, dokumen-dokumen yang berikut hendaklah dikemukakan kepada Pengarah dalam tempoh empat belas hari sebelum penghantaran pulang:

 - (i) satu salinan Memo Periksa Keluar (MPK), jika ada;
 - (ii) apa-apa dokumen berkaitan daripada Jabatan Imigresen Malaysia;
 - (iii) apa-apa dokumen perjalanan termasuk dokumen penerbangan; atau

- (iv) apa-apa dokumen lain yang dikehendaki oleh Pengarah dari semasa ke semasa;
- (e) bahawa tempoh lesen yang dinyatakan dalam lesen itu belum habis tempoh;
- (f) bahawa dalam hal keadaan pemegang lesen itu berhasrat untuk terus menggaji seorang pekerja bukan pemastautin yang lesennya akan habis tempoh, pemegang lesen itu bolehlah membuat permohonan untuk menggaji pekerja bukan pemastautin di bawah kaedah 3, dalam tempoh enam puluh hari sebelum habis tempoh lesen itu;
- (g) bahawa dalam hal keadaan terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat dalam lesen, pemegang lesen itu hendaklah membuat permohonan bertulis untuk meminda maklumat itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pengeluaran lesen kepada Pengarah;
- (h) bahawa dalam hal keadaan pekerja bukan pemastautin itu tidak dapat memasuki Sarawak atas apa jua sebab selepas suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Kaedah-Kaedah ini diluluskan, pemegang lesen itu hendaklah memaklumkan Pengarah secara bertulis dalam tempoh enam bulan selepas pengeluaran lesen itu;
- (i) bahawa lesen yang dikeluarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah disediakan untuk pemeriksaan oleh Pengarah sebagaimana dan apabila dikehendaki; dan
- (j) bahawa dalam hal keadaan lesen itu hilang, rosak atau tercemar, pemegang lesen itu hendaklah serta-merta memohon kepada Pengarah bagi suatu salinan baharu lesen itu.

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 3(1)]

PERMOHONAN LESEN UNTUK MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

(1) Bil.	(2) Kategori permohonan lesen	(3) Syarat permohonan
1.	Permohonan bagi lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin dalam semua sektor	(i) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah mencapai umur lapan belas tahun dan tidak melebihi empat puluh lima tahun untuk bekerja di bawah kategori pekerja am (ii) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah mencapai umur lapan belas tahun untuk bekerja di bawah kategori pekerja mahir dan ekspatriat (iii) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah memegang dokumen perjalanan yang sah (iv) Kelulusan sah daripada pihak berkuasa yang berkaitan perlulah diperolehi sebelum menggaji pekerja bukan pemastautin

(1) Bil.	(2) Kategori permohonan lesen	(3) Syarat permohonan
2.	Permohonan bagi lesen untuk menggaji pekerja domestik bukan pemastautin	(i) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah mencapai umur dua puluh satu tahun (ii) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah memegang dokumen perjalanan yang sah (iii) Kelulusan sah daripada pihak berkuasa yang berkaitan perlulah diperolehi sebelum menggaji pekerja bukan pemastautin
3.	Permohonan bagi lesen untuk menggaji pekerja bukan pemastautin yang bekerja atas kapal	(i) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah mencapai umur lapan belas tahun (ii) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah memegang dokumen perjalanan yang sah (iii) Surat sokongan daripada Jabatan Perikanan Laut Sarawak atau kelulusan sah daripada pihak berkuasa yang berkaitan perlulah diperolehi sebelum menggaji pekerja bukan pemastautin

(1) Bil.	(2) Kategori permohonan lesen	(3) Syarat permohonan
4.	Permohonan bagi lesen untuk menggaji pemegang Pas Lawatan Ikhtisas	(i) Seseorang pekerja bukan pemastautin hendaklah memegang dokumen perjalanan yang sah (ii) Lesen yang sah untuk menggaji kanak-kanak dan orang muda untuk mengambil bahagian dalam hiburan awam mestilah diperolehi sebelum menggaji pekerja bukan pemastautin di bawah umur lapan belas tahun (iii) Kelulusan sah daripada pihak berkuasa yang berkaitan perlulah diperolehi sebelum menggaji pekerja bukan pemastautin

JADUAL KEDUA

[Perenggan 3(3)(a)]

LESEN UNTUK MENGGAJI PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

No. Rujukan :

No. Lesen :

Tarikh lesen :

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 119
Ordinan Buruh [*Sarawak Bab 76*], saya dengan ini mengeluarkan

Lesen Untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin kepada:

untuk menggaji pekerja bukan pemastautin seperti yang tercatat dalam lampiran.

Tempoh sah laku lesen :

Bilangan pekerja bukan
pemastautin yang
dilesenkan :

Alamat tempat pekerjaan :

.....
(Tandatangan dan cap rasmi Pengarah Tenaga Kerja)

Tarikh:

Lampiran ini hendaklah dilampirkan bersama dengan Lesen Untuk Menggaji Pekerja Bukan Pemastautin.

No. Rujukan:

BUTIR-BUTIR PEKERJA BUKAN PEMASTAUTIN

(1) Bil.	(2) Nama seperti dalam kad pengenalan atau passport	(3) Nombor kad pengenalan atau nombor passport	(4) Jantina	(5) Jawatan	(6) Negara atau Negeri asal

Dibuat 10 Februari 2026

[KSM.PUU(S)600-1/1/22 JLD.2(15); PN(PU2)207/X]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN
Menteri Sumber Manusia

LABOUR ORDINANCE OF SARAWAK

LABOUR (LICENCE TO EMPLOY NON-RESIDENT EMPLOYEE) (SARAWAK) RULES 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 1300(2)(n) of the Labour Ordinance of Sarawak [*Sarawak Cap. 76*], the Minister after consultation with the State Authority makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Labour (Licence To Employ Non-Resident Employee) (Sarawak) Rules 2026**.

(2) These Rules come into operation on 15 February 2026.

Interpretation

2. In these Rules, “licensee” means the person named in the licence as the holder of the licence.

Application for licence

3. (1) An application by a person who intends to apply for a licence to employ a non-resident employee shall be made according to the categories of application for licence in column (2) and conditions of applications in column (3) of the First Schedule in writing or by electronic means to the Director by furnishing the following particulars:

(a) name of applicant;

(b) identity card number or passport number of individual applicant, or registration number if applicable;

(c) address of applicant;

(d) address of place of employment;

(e) name of non-resident employee;

- (f)* identity card number or passport number of non-resident employee;
- (g)* gender of non-resident employee;
- (h)* designation of non-resident employee;
- (i)* country or State of origin of non-resident employee;
- (j)* academic qualifications of the non-resident employee, if academic requirements are specified; and
- (k)* working experience of the non-resident employee, if work experience requirements are specified.

(2) The particulars under subrule (1) shall be furnished to the nearest office of the Director having administrative jurisdiction for the area in which place of employment is located.

(3) Upon considering the application for a licence made under subrule (1), the Director may—

- (a)* approve the application and issue to the applicant a Licence To Employ Non-Resident Employee in a form as prescribed in the Second Schedule; or
- (b)* refuse the application in writing.

Conditions of licence

4. (1) Upon issuance of the licence, the licensee shall ensure—

- (a)* that the non-resident employee is employed—
 - (i)* in the designation as specified in the licence; and

- (ii) at the address of place of employment as specified in the licence;
- (b) that the non-resident employee is not employed by any other person other than the licensee;
- (c) that in the event work has been completed in the place of employment specified in the licence or any place of employment permitted by the Director upon considering the application to change the particular of employment, the Director shall be informed of the status of the contract of service of the non-resident employees affected within thirty days from the date of the completion of work;
- (d) that in the case of repatriation of a non-resident employee to his country or State of origin, the following documents shall be submitted to the Director within fourteen days prior to repatriation:
 - (i) a copy of Check Out Memo (COM), if any;
 - (ii) any related documents from Immigration Department of Malaysia;
 - (iii) any travel documents including airline documents; or
 - (iv) any other documents as required by the Director from time to time;
- (e) that the duration of the licence specified in the licence has not expired;
- (f) that in the event he intends to continue employing a non-resident employee whose licence will expire, he may make an application to employ such non-resident employee under rule 3, within sixty days before the expiry of such licence;

- (g) that in the case where there are any changes to the information of the licence, he shall make an application in writing to amend the information within thirty days from the date of issuance of the licence to the Director;
- (h) that in the event the non-resident employee is unable to enter Sarawak for any reason whatsoever after an application for a licence under these Rules has been approved, he shall notify the Director in writing within six months after issuance of the licence;
- (i) that the licence issued under these Rules shall be made available for inspection by the Director as and when required; and
- (j) that in the event the licence is lost, damaged or defaced, he shall immediately apply to the Director for a new copy of the licence.

FIRST SCHEDULE

[Subrule 3(1)]

APPLICATION FOR LICENCE TO EMPLOY NON-RESIDENT EMPLOYEE

(1) No.	(2) Categories of application for licence	(3) Conditions of application
1.	Application for licence to employ non-resident employee in all sectors	(i) A non-resident employee shall have attained the age of eighteen years and not more than forty-five years to work under the category of general worker (ii) A non-resident employee shall have attained the age of eighteen years to work under the category of skilled worker and expatriate (iii) A non-resident employee shall carry a valid travel document (iv) Valid approval from the relevant authority must be obtained before employing the non-resident employee
2.	Application for licence to employ non-resident domestic employee	(i) A non-resident employee shall have attained the age of twenty-one years (ii) A non-resident employee shall carry a valid travel document

(1) No.	(2) Categories of application for licence	(3) Conditions of application
		(iii) Valid approval from the relevant authority must be obtained before employing the non-resident employee
3.	Application for licence to employ non-resident employee working on a vessel	(i) A non-resident employee shall have attained the age of eighteen years (ii) A non-resident employee shall carry a valid travel document (iii) Letter of recommendation from the Department of Marine Fisheries Sarawak or valid approval from the relevant authority must be obtained before employing the non-resident employee
4.	Application for licence to employ non-resident holder of Professional Visit Pass	(i) A non-resident employee shall carry a valid travel document (ii) Valid licence to employ children and young person to take part in public entertainment must be obtained before employing the non-resident employee aged below eighteen years (iii) Valid approval from the relevant authority must be obtained before

(1) No.	(2) Categories of application for licence	(3) Conditions of application
		employing the non-resident employee

SECOND SCHEDULE

[Paragraph 3(3)(a)]

LICENCE TO EMPLOY NON-RESIDENT EMPLOYEE

Reference No. :

Licence No. :

Date of licence :

In exercise of the power conferred by section 119
of the Labour Ordinance [*Sarawak Cap. 76*],
I hereby issue Licence To Employ Non-Resident Employee to:

to employ non-resident employee as stated in the annexure.

Period of validity of licence :

Number of licensed
non-resident employee(s) :

Address of place of employment :

.....
(Signature and official stamp of Director of Labour)

Date:

This annexure is to be attached with the Licence To Employ Non-Resident Employee.

Reference No.:

DETAILS OF NON-RESIDENT EMPLOYEE(S)

(1) No.	(2) Name as per identity card or passport	(3) Identity card number or passport number	(4) Gender	(5) Designation	(6) Country or State of origin

Made 10 February 2026

[KSM.PUU(S)600-1/1/22 JLD.2(15); PN(PU2)207/X]

DATO' SRI RAMANAN RAMAKRISHNAN
Minister of Human Resources